



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

KENYATAAN TAWARAN RFP

Tawaran *Request For Proposal* (RFP) ini adalah dipelawa kepada syarikat yang mempunyai **Sijil Kementerian Kewangan Malaysia mengikut kod bidang yang berkaitan** yang masih sah tempohnya dibenarkan menyertai tawaran berikut :-

No. Rujukan Tawaran	Perihal Kerja	Harga Dokumen/ Tarikh Mula Dijual	Syarat Pendaftaran
MBJB/RFP/ 1/2026	Request For Proposal (RFP) bagi perkhidmatan menaiktaraf Sistem iPerolehan dan Sistem iProjek sediaada kepada pembangunan Sistem Pengurusan Projek Bersepadu (Pengurusan Perolehan dan Pemantauan Projek) versi 2.0 Majlis Bandaraya Johor Bahru Tarikh Iklan : 16.12.2025 Tarikh Taklimat/ : 23.12.2025 (Selasa) Lawatan Tapak Tempat : Bahagian Teknikal Dan Rangkaian, Jabatan Teknologi Maklumat, Aras 4, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru Masa : 9.30 Pagi Tarikh Tutup : 14.1.2026 (Rabu) S/harga (Tepat 12.00 tengahari) No.Fail : MBJB/U/2025/07/PRL/10 *PENDAFTARAN TAKLIMAT ADALAH DIWAJIBKAN*	RM 300.00 23.12.2025 hingga 12.1.2026 (Rujuk Perenggan 4)	Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) Kod Bidang : 210103 (Software (Supply all computer software, Operating system, Database, Off-The-Shelf Packages Including Maintenance) DAN 210104 (Software/ System Development/ Customization And Maintenance Including Data Entry, Data Processing) HANYA PENAMA DALAM SIJIL KKM Dibenarkan Mendaftar Kehadiran Taklimat

2. Syarikat yang berminat untuk menyertai tawaran ini adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat bersemuka di pejabat Bahagian yang terlibat pada tarikh dan tempat sebagaimana yang ditetapkan di atas. Syarikat diwajibkan untuk mendaftar di sistem iPerolehan MBBJ melalui laman sesawang <https://apl.mbjb.gov.my/iperolehan> sebelum hari taklimat bagi memudahkan urusan pendaftaran kehadiran taklimat. Sila abaikan jika telah berdaftar dan kemaskini maklumat syarikat sekiranya terdapat perubahan maklumat. **HANYA PENAMA DI DALAM LESEN SAHAJA dibenarkan hadir ke taklimat** di pejabat dan lawatan tapak dan ianya **TIDAK BOLEH DIWAKILKAN**. Sila bawa bersama **Sijil - Sijil ASAL** semasa hadir taklimat sebagaimana berikut :-

2.1 : Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

2.2 : Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM) & Taraf Bumiputera (Jika berkaitan)

3. Penjualan dan pembelian dokumen tawaran dijalankan secara atas talian sahaja (Sila rujuk manual pembelian di ruangan Pembelian Dokumen pada Sistem iPerolehan,). Hanya syarikat yang **disahkan** untuk perolehan tersebut sahaja yang layak membeli dokumen. Syarikat yang berdaftar perlu menyemak status kehadiran taklimat sebelum meneruskan pembelian. Pembelian hendaklah dilakukan di sistem iPerolehan MBBJ dan bayaran perlu dilakukan menggunakan sistem **PBTPay** (<https://pbtpay.kpkt.gov.my/>), sistem **eKhidmat** (<http://johor.ekhidmat.my/ekhidmat/>) atau di kiosk MBBJ sahaja. Sila rujuk sistem **iPerolehan MBBJ** bagi penjualan tersebut.
4. Dokumen Tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta bertulis No. Rujukan Tawaran dan Perihal Kerja di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, sebelum jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup seperti yang tertera pada jadual di atas. Dokumen boleh dihantar secara serahan tangan atau melalui pos berdaftar/ kurier.
5. Dokumen Tawaran yang dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier hendaklah dialamatkan ke **Peti Tawaran, Bahagian Ukur Bahan & Kontrak, Aras 6, Menara MBBJ, No. 1, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru, Johor** untuk dimasukkan ke dalam Peti tawaran **sebelum pukul 12.00 tengahari** pada tarikh tutup yang ditetapkan di atas. Syarikat hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan seperti diatas sebelum atau pada Tarikh Tutup Tawaran selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan dan pihak majlis tidak bertanggungjawab diatas kelewatan penghantaran oleh mana-mana pihak.
6. Majlis tidak terikat samada menerima tawaran yang terendah harganya atau sebarang tawaran lain.

Sekian, dimaklumkan.



(DATO' HAJI MOHD HAFFIZ BIN HAJI AHMAD)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.